

**PM Arah Persiapan Bawa Pulang Pelajar Malaysia Di Mesir Dibuat Bernama
17 Ogos, 2013**

PEKAN, 17 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengarahkan segala persiapan untuk membawa pulang pelajar Malaysia di Mesir dilakukan berikutan keadaan di negara itu yang kini di ambang perang saudara.

Beliau berkata kerajaan ketika ini memantau dengan teliti setiap perkembangan terkini yang berlaku di negara itu.

"Sekiranya keadaan itu menjejaskan keselamatan (para pelajar) mereka akan dibawa pulang...segala persiapan akan dibuat sebab keadaan di sana kini dilihat berada di ambang perang saudara sebab kita tak tahu apa yang akan berlaku dalam sehari dua ini," katanya ketika berucap pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Perdana Menteri di sini Sabtu.

Turut hadir pada majlis yang dihadiri lebih 50,000 pengunjung itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob.

Perdana Menteri berkata apa yang berlaku di Mesir itu perlu dijadikan iktibar kerana tuntutan perubahan yang dilakukan rakyat tidak semestinya membawa kepada perubahan seperti yang diharapkan.

"Ini adalah sebagai pengajaran yang boleh diambil iktibar kepada sesiapa yang diberi kepercayaan, bukan sahaja proses demokrasi berlaku, tapi apa yang boleh kita lakukan setelah dapat kepercayaan dari rakyat...kalau kita menuntut perubahan, tapi penyudahnya tidak seperti yang kita harapkan," katanya.

Najib berkata rakyat di negara ini perlu sedar bahawa sebarang perubahan terutamanya hasutan untuk berubah oleh pihak-pihak tertentu tidak semestinya akan membawa perubahan yang memberi manfaat kepada rakyat.

"Ada perubahan yang membawa kebaikan, dan mungkin yang akan membawa kepada keadaan yang lebih buruk, pengajarannya, rakyat kita jangan terpedaya dengan hasutan seperti 'ubah', 'ini kali lah', kita tak tahu apa kesudahan sama ada pihak yang kita beri kepercayaan itu mampu tadbir negara kita lebih baik daripada yang dikecapi sebelum itu," katanya.

Najib berkata, prinsip demokrasi mestilah mempunyai wasatiyyah dan tidak memerlukan fahaman yang fanatik atau ekstrem.

"Kita mesti ada nilai-nilai yang menolak kekerasan dan fahaman yang fanatik atau ekstrem, kalau tidak ada prinsip wasatiyyah maka berlaku lah keadaan di mana satu pihak akan mengenyepikan pihak yang lain," katanya.

Beliau berkata pengalaman dalam menangani isu pencerobohan di Lahad Datu, Sabah misalnya, Malaysia berjaya menanganinya dengan cara yang lebih berhemah tanpa mencabul hak asasi manusia.

"Islam mewajibkan kita mempertahankan kedaulatan, dalam isu Lahad Datu, kita cari jalan perdamaian dan menggunakan budi bicara dan tindakan kita itu adalah tindakan yang tidak

mencabul hak asasi manusia, atau memusnahkan nyawa dan harta benda," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970582>